



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 15 DISEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	JOGHO RAIH GANGSA, DALAM NEGERI, UM -33 JOGHO RAIH GANGSA PERINGKAT DUNIA, NEGARA, KOSMO -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	MARINE COPS DETAIN FOUR ILLEGAL IMMIGRANTS, FISHING BOAT, ONLINE, BORNEO POST (KK)	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5.	KURANG 1 PERATUS PELADANG MADA MISKIN, DALAM NEGERI, UM -32 INISIATIF MADA TINGKATKAN PENDAPATAN PETANI, KEDAH/P.PINANG, SH -24	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6. 7.	DULU PAKAI KOT, KINI PAKAI BUT, GAYA TANI, UM -24 TERPILIH PENERIMA GERAN AGROPRENEUR MUDA, GAYA TANI, UM -25	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
8. 9. 10. 11.	TANAM PERIA SELEPAS DIBERHENTIKAN KERJA, NEGARA, KOSMO -16 DIBUANG KERJA TIDAK PATAH SEMANGAT JADI USAHAWAN TANI, DALAM NEGERI, UM -13 THE NEED FOR AGROFOOD VALUE CHAIN, NATION, THE STAR -11 STUDY TO SET UP DAIRY VALLEY IN KENINGAU, ONLINE, BORNEO POST (KK)	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Jogho raih gangsa

**BACHOK:** Jogho, seekor lembu baka *Limousine* dari Kampung Keluat, di sini mencipta sejarah selepas meraih pingat gangsa dalam pertandingan *Limousine-Champion of The World Category Asia/Africa* pada 5 Disember lalu.

Dalam pertandingan itu, lembu milik Zulkifli Yaakob, 51, tumpas kepada *La Rhone Viceroy* (Afrika Selatan) dan *Flemington Quiet Secret Q8* (Australia).

Rhone Viceroy dinobatkan sebagai pemenang pingat emas manakala *Flemington Quiet Secret Q8* meraih pingat gangsa.

Zulkifli menyifatkan kejayaan Jogho sebagai salah satu bentuk pengiktirafan tertinggi buat penternak lembu 'sado' di negara ini khususnya di Bachok.

Anak kelahiran Bachok itu berkata, kemenangan berkenaan menyebabkan dia tidak putus-putus menerima kunjungan dari peminat-peminat lembu sado untuk melihat


Jogho secara lebih dekat selain mengetahui selok-belok berkaitan haiwan berkenaan.

"Saya tidak lokek untuk berkongsi ilmu lembu sado kepada peminat haiwan berkenaan.

"Tujuan saya, agar industri lembu sado ini terus berkembang kerana ia mempunyai potensi besar pada masa hadapan," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Guru Sekolah Kebangsaan (SK) Pak Pura itu memberitahu, dia berharap kejayaan tersebut menjadi inspirasi kepada penternak lain dan berterima kasih kepada pihak yang membantu penyertaan Jogho dalam pertandingan tersebut terutama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan.

*Utusan Malaysia* 8 November lalu melaporkan, Jogho seberat 1.6 tan mengegarkan pentas dunia apabila dipilih mewakili Asia ke pertandingan lembu *Limousine-Champion of The World*.



**ZULKIFLI** Yaakob bersama Jogho yang meraih pingat gangsa pertandingan *Limousine-Champion of The World Category Asia/Africa* pada 5 Disember lalu. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

Lembu sado baka Limousine dari Kelantan harumkan nama Malaysia

# Jogho raih gangsa peringkat dunia

Oleh YATIMIN ABDULLAH

**BACHOK** - Seekor lembu baka Limousine dari Kampung Keluat di sini yang digelar Jogho mencipta sejarah apabila meraih pingat gangsa dalam pertandingan Limousine-Champion of The World Category Asia/Africa pada 5 Disember lalu.

Lembu milik Zulkifli Yaakob, 51, itu berada di belakang percabar utama iaitu La Rhone Viceroy dari Afrika Selatan dan Flemington Quiet Secret Q8 dari Australia.

Rhone Viceroy dinobatkan sebagai pemenang pingat emas, manakala Flemington Quiet Secret Q8 meraih pingat perak.

Zulkifli menyifatkan kejayaan Jogho adalah pengiktirafan tertinggi buat penternak lembu sado di Malaysia khususnya di Bachok.

"Saya terkejut seurus dimaklumkan berita mengenai kemenangan Jogho dan sejak itu, saya tidak putus-putus menerima kunjungan daripada peminat-peminat lembu sado untuk melihat Jogho lebih dekat.

"Saya tidak akan lokek untuk berkongsi ilmu agar industri lembu sado terus berkembang kerana ia mempunyai potensi besar pada masa depan," katanya ketika ditemui pemberita semalam.

Guru Sekolah Kebangsaan (SK) Pak Pura itu memberitahu, dia

berharap kejayaannya menarik minat penternak lain untuk memernak lembu baka berkenaan.

Kosmo/ 8 November lalu melaporkan, Jogho akan mewakili Asia ke pertandingan yang diadakan secara online dengan dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan.

Pada pertandingan itu, Jogho seberat 1.6 tan bersaing dengan lembu-lembu baka Limousine dari negara-negara lain termasuk Perancis, New Zealand dan Afrika.

Kriteria pemilihan Jogho dalam pertandingan itu berdasarkan struktur tubuh, ketinggian, panjang, cantik dan beberapa aspek lain.



JOGHO meraih tempat ketiga pertandingan Limousine-Champion of The World Category Asia/Africa pada 5 Disember lalu.

Headline	Marine cops detain four illegal immigrants, fishing boat		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	15 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	6	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	261 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,455
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,366



## Marine cops detain four illegal immigrants, fishing boat

**TAWAU:** The Marine Police Force (PPM) detained four foreigners in an operation to curb the entry of illegal immigrants in the district on Sunday night.

A raid was carried out at 7.30pm by a team through the 'Ops Gelora Khas' along the coastal area of Kampung Tawau Lama following information and intelligence related to the entry of illegal immigrants in the area.

Tawau Marine Police Force Operations Headquarters Commanding Officer, DSP Mohd Nazari Ismail said when the raiding team arrived at the location, a group of people believed to be illegal immigrants were hiding in the bushes.

The group of three men aged 31 to 41 and a 29-year-old woman who were suspected to have just arrived at the area, were waiting to be transported to the next location.

"After preliminary investigation, all of them were detained for not having valid identity documents and entering the country illegally," he said.

The suspects were then taken to the PPM Operations Headquarters for further investigation and action.

The case will be investigated under Section 6 (3) of the Immigration Act 1959/63 and if convicted can be fined not more than RM10,000 or imprisoned not exceeding five years or both and can be whipped not more than six times.

PPM requested the cooperation of the public to channel any information, especially involving the presence of illegal immigrants, to PPM Region 4 Sabah through WhatsApp at 013-2831197.

Meanwhile, the Marine Police Force in Lahad Datu detained a fishing boat for breaching the terms and conditions of its licence on Sunday.

District Marine Commanding Officer, Superintendent Gan Ping



The four illegal immigrants caught hiding in some bushes at Kampung Tawau Lama on Sunday night.



The boat detained while fishing in the river.

Sin said the boat and its local skipper were detained off Sungai Meruap waters in Tambisan about 9am during the Op Benteng Covid.

Gan said the boat was found conducting fishing activity at the river and the detainment led to the seizure of 30 kilograms of fish, as well as the boat and its equipment worth RM75,900.

He said marine police will not compromise with fishing activities near the coastal or river areas as it would endanger small scale

fishermen and the ecosystem.

"The arrest and the seizure were brought to Martek PPM Pulau Tambisan before being handed over to the Fisheries Department for further action.

"The case will be investigated under Section 8(b) of Fisheries Act 1985 for breaching the license terms and conditions," he said.

Gan urged the public, especially maritime community, to channel any information through WhatsApp at 0132831197 or call 0139808084.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

## Kurang 1 peratus peladang MADA miskin

**ALOR SETAR:** Kurang daripada satu peratus peladang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berada di bawah paras kemiskinan berbanding lebih 70 peratus kira-kira lima dekad lalu.

Statistik itu diperolehi hasil tinjauan agensi itu pada 2018.

Pengurus Besar MADA, Datuk Fouzi Ali berkata, sejak empat dekad lalu, Kerajaan Persekutuan memperkenalkan pelbagai insentif, bantuan dan subsidi kepada penanam padi bagi mengurangkan kos operasi ladang dan insentif bagi meningkatkan hasil padi.

"Pada 2000, purata hasil padi bagi Kawasan Muda adalah sebanyak 5.7 metrik tan sehektar dengan penanaman padi dua kali setahun berbanding pada 1970, purata pengeluaran hanya sekitar 3.37 metrik tan sehektar.

"Peningkatan hasil padi ini juga turut menyumbang kepada peningkatan pendapatan peladang di kawasan itu," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas surat pembaca dalam ruangan Forum terbitan *Utusan Malaysia* bertajuk Usah biar pesawah terus miskin yang diterbitkan 9 Disember lalu.

Fouzi menambah, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan setiap tahun berusaha keras bagi meningkatkan kepadatan infrastruktur di peringkat ladang.

"Bermula dengan Projek Pembangunan Tersier Muda II pada 1979 hingga 2010, ia diteruskan dengan Projek Pemacu Pertanian sejak tahun 2011 bagi meningkatkan kepadatan infrastruktur di kawasan ini kepada 30 meter per hektar.

"Matlamat penubuhan MADA adalah untuk memajukan kesejahteraan hidup sebilangan besar penduduk desa dan melebihi hasil untuk negara. Sehingga 2020, purata hasil padi yang direkodkan adalah 6.0 metrik tan dengan penanaman padi dua kali setahun," jelasnya.

15/12/2020

SINAR  
HARIANKEDAH  
P.PINANG

24

## Inisiatif MADA tingkatan pendapatan petani

**ALOR SETAR** - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) memperkenankan pelbagai program untuk meningkatkan pendapatan petani selain berusaha mengatasi permasalahan tanaman padi sejak 50 tahun lalu.

Pengurus Besarinya, Datuk Fouzi Ali berkata, antaranya ialah Program Penanaman Padi Skala Besar yang bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan petani dalam industri padi di kawasan Muda.

Beliau bagaimanapun berkata, pihaknya berharap inisiatif itu mendapat kerjasama petani serta generasi pewaris sama ada di kawasan Muda mahupun perantaraan untuk menyokong MADA ke arah mengkomersialkan industri padi negara.

"Matlamat kita adalah un-

tuk memajukan kesejahteraan hidup sebilangan besar penduduk desa dan melebihi hasil untuk negara. MADA telah memacu industri penanaman padi di kawasan Muda seluas 100,685 hektar bagi menjamin pengeluaran makanan tuji negara," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Fouzi berkata, sehingga kini, purata hasil padi direkodkan adalah sebanyak 6 metrik tan dengan penanaman padi dua kali setahun.

"Pada tahun 2000, purata hasil padi bagi kawasan Muda ialah 5.7 metrik tan sehektar dengan penanaman padi dua kali setahun berbanding 3.37



**FOUZI**

metrik tan sehektar pada tahun 1970.

Peningkatan hasil padi ini turut menyumbang kepada peningkatan pendapatan peladang di kawasan Muda," katanya.

Menurutnya, berdasarkan tinjauan pada tahun 2018, kurang daripada satu peratus peladang di kawasan itu berada di bawah paras kemiskinan berbanding lebih 70 peratus pada lima dekad lalu.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berusaha keras bagi meningkatkan kepadatan infrastruktur peringat ladang. Bermula dengan Projek Pembangunan Tersier Muda II pada tahun 1979 sehingga 2010, ia diterus-

kan dengan Projek Pemacu Pertanian sejak tahun 2011 bagi meningkatkan kepadatan infrastruktur di kawasan ini kepada 30 meter per hektar," katanya.

Fouzi berkata, terkini sebanyak 48 daripada 172 blok pengairan telah ditingkatkan kepadatan infrastrukturnya.

"Golongan petani sentiasa mendapat pembelaan kerajaan. Sejak empat dekad lalu, kerajaan Persekutuan memperkenankan pelbagai insentif, bantuan dan subsidi kepada penanam padi bagi mengurangkan kos operasi ladang dan insentif bagi meningkatkan hasil padi.

"Antaranya ialah Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan, Skim Insentif Pengeluaran Padi, Subsidi Harga Padi dan Subsidi Benih Padi Sah. Ter-

kini bagi meningkatkan kelancaran pengedaran benih padi sah, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) telah dilantik sebagai pengedar tunggal bagi mengatasi masalah edaran dan manipulasi harga," katanya.

Secara keseluruhan, katanya, subsidi dan insentif kerajaan kepada penanam padi di peringkat tanaman dan pengeluaran bernilai RM4,095 sehektar.

"Pengeluaran padi di Kawasan Muda menyumbang kepada hampir 43 peratus pengeluaran padi negara.

"MADA bersama 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan 496 Unit Pertanian Kecil di seluruh kawasan Muda sentiasa berganding erat mengadakan libat urus bersama petani untuk mendengar keluh kesah mereka," katanya.

Alex sanggup berpanas demi nanas MD2

## Dulu pakai kot, kini pakai but

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamula.com.my

**B**ARANGKALI tidak ramai sanggup meninggalkan pejabat berpendingin hawa lalu bermandi peluh dan keringat di tengah ladang menjadi seorang petani.

Namun tidak bagi Pengarah Urusan syarikat pengiklanan dan penerbitan, NP Asia Sdn. Bhd., N. Navanith Pillay, 34.

Beliau memberikan diri mengubah 360 darjah kehidupannya daripada dunia korporat kepada pertanian.

Beliau ketika ditemui berkata, keputusan mengalih skop profesion itu tercetus selepas mengamati masa depan pertanian jauh lebih cerah daripada kerjaya diceburinya kala itu.

Memperlihatkan situasi berkenaan, katanya, walaupun tidak memiliki sebarang ilmu berkaitan pertanian, beliau tekad membuka langkah baharu, mengorak langkah menjadi jutawan nanas.

"Mei tahun lepas, saya mulai mencari maklumat berhubung pertanian di internet. Google dan YouTube bagaikan guru buat saya bagi



ALEX dipilih menerima Geran Agropreneur Muda 2020 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk golongan belia bawah 40 tahun.

mendapatkan informasi mengenai bagaimana menjadi seorang jutawan pertanian," katanya.

### DITERTAWA

Mesra disapa Alex, katanya, dalam pencarian itu, matanya tertarik dengan satu maklumat berhubung penanaman nanas MD2 sebagai sumber kekayaan baharu.

Enggan berlembang, Alex terus 'memijak tangga' Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Selangor bagi mendapatkan khidmat nasihat

awal.

"Saya tidak ada modal, tidak ada tanah, tidak ada pengetahuan langsung dalam pertanian ini. Setiap kali jumpa orang pasti saya akan tanya ada tanah ke tak. Orang ketawakan saya kerana tak percaya saya mahu jadi petani pula berbanding korporat," katanya.

Lulusan pengajian teknologi maklumat ini membuktikan dirinya hanya berbekalkan keyakinan tinggi untuk 'terjun' dalam bidang itu, bidang baharu buat dirinya.

Bersandarkan

kepada kepercayaan itulah, semua urusannya dipermudahkan.

Selepas mendapat peluang mengusahakan 10 hektar tanah di sebuah ladang di Bestari Jaya, Kuala Selangor iaitu di kawasan Selangor Fruit Valley di bawah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, kerja-kerja penanaman mula dilaksanakan.

Aktiviti pembersihan tanah dipergiatkan. Segala peralatan pertanian dan pembinaan kuarters di ladang mula dibina.

Bermodalkan kertas kerja 'bagaimana menjadi jutawan nanas dalam setahun', beliau berjaya meyakinkan LPNM, sekali gus memperoleh sulur (benih) nanas secara percuma.

### BERTANI MALAM

Menariknya, Jabatan Pertanian Daerah Gombak turut membantu membuat ujian kesuburan tanah tanpa mengenakan sebarang caj perkhidmatan.

Memantapkan ilmu penanaman nanas, Alex menghadiri kursus dengan syarikat perunding pertanian, Presica Sdn. Bhd. Syarikat berkenaan bersedia menjadi perunding dengan bayaran minimum.

Malah beliau turut mendapatkan khidmat nasihat selain menghadiri pelbagai kursus dianjurkan Lembaga Pemasaran Pertanian

NANAS  
jenis MD2.

**N. NAVANITH**  
Pillay di ladang nanas di Bestari Jaya, Kuala Selangor iaitu di kawasan Selangor Fruit Valley di bawah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, dengan kerja-kerja penanaman mula dilaksanakan.





SULUR atau benih nanas.



**Saya kira anak muda tidak harus melepaskan peluang ini kerana bidang pertanian sudah moden dengan penggunaan teknologi terkini."**

Persekutuan (FAMA).

Seperti sudah menjangkakan pandemik Covid-19 akan melanda negara, sektor perniagaan utamanya mulai merosot, Alex melipatgandakan tenaga empat keratnya.

"Saya bekerja 12 hingga 16 jam sehari mengusahakan tanah sendiri dengan bantuan beberapa orang kawan dan keluarga kerana tidak mampu mengambil pekerja ramal. Aliran bertani sebelah malam saya lakukan sebab perlu menguruskan syarikat pada sebelah siang," katanya.

Alex yang kelihatan ceria mengaku tidak sabar menunggu hasil tuaiannya April tahun depan.



#### TUNGGU 14 BULAN

Tempoh 14 bulan bukan tempoh singkat menunggu hasil tuaiannya sulung. Sepanjang tempoh berkenaan, banyak kos dilaburkan tanpa pulangan awal. Alex memperuntukkan kira-kira RM300,000 bagi keseluruhan projek itu, bermula dari proses menanam benih hingga ke tempoh menuai hasil.

Justeru, berbekalkan pengalaman dalam bidang perniagaan, sepanjang tempoh menunggu itu, Alex bijak mencari peluang menjana pendapatan sampingan.

"Biasanya kenderaan saya kosong ketika berulang-alik dalam perjalanan setiap hari dari ladang ke tempat tinggal di Kuala Lumpur.

"Saya mula mengisi pacuan empat roda dengan membawa pelbagai hasil tanaman seperti kelapa muda pandan, kelapa tua dan juga nanas MD2 dari peladang lain di *Selangor Fruit Valley* kepada pengusaha beberapa kedai makan.

"Menerusi cara itu, saya dapat menampung kos petrol dan tol sekitar RM100. Bermula hanya 30 biji kelapa sehari, saya mampu membekalkan 3,000 biji setiap dua hari selain bekalan nanas kepada lebih 100 restoran di Lembah Klang," katanya.

Usaha itu juga merupakan salah satu strategi awal pemasaran apabila tanaman nanasnya membuah hasil. Beliau juga tidak perlu bersusah payah mencari lokasi pemasaran.



N. Navanith Pillay membuktikan usaha dan kesungguhan mampu merealisasikan cita-cita.

## Terpilih penerima Geran Agropreneur Muda 2020

ALEX yang pernah berpeluang berlakon dalam dua filem antarabangsa bersama pelakon terkenal, Rajinikanth dan Suriya menerusi filem *Kabali* dan *Singam 3* membuktikan latar belakang bukan balangan berjaya dalam bidang asing buat dirinya. Bak kata pepatah "kalau tidak dipecahkan ruyung, mana dapat sagunya".

Beliau membuktikan kecemerlangan dalam cabang perniagaan diusahakan itu apabila terpilih sebagai penerima Geran Agropreneur Muda 2020 Fasa 1 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk golongan belia bawah 40 tahun.

Namanya antara 36 peserta di bawah LPNM seluruh negara dan merupakan antara empat usahawan tani dari Selangor.

Dalam reaksinya, beliau berkata, kerajaan bukan sahaja benar-benar memberi sokongan tetapi pada masa sama mahu lebih ramai usahawan agro muda terbabit dalam pertanian nanas.

"Saya kira anak muda tidak harus melepaskan peluang ini kerana bidang pertanian sudah moden dengan penggunaan teknologi terkini," katanya.

Tentang masa depan, Alex memberitahu, mahu pergi jauh dalam bidang itu. Ada-ada sahaja perancangannya pada masa depan dalam impian mengejar kekayaan lebih-lebih lagi baru-baru ini beliau mendapat tawaran 46.46 hektar tanah untuk projek pertanian besar-besaran melalui kerjasama



ALEX memulakan penanaman nanas pertama di ladangnya awal Mac lalu.

dengan pihak yang memberi kepercayaan penuh kepadanya."

Selain nanas, beliau turut membuat persiapan penanaman jagung manis seluas enam ekar sebagai salah satu projek pertanian bersepadu kerana melihat potensi tuaiannya hasil lebih cepat sekitar 65 hari.

Semuanya menggunakan teknologi pertanian moden, IoT (*Internet of Things*) menerusi tajaan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Awal Februari ini, Alex bakal membuka sebuah kilang memproses kelapa santan dan jus buah-buahan di Rawang, Selangor.

Ternyata, langkahnya dalam bidang pertanian khusus dalam penanaman nanas tidak sia-sia. Jika tiada aral melintang, Alex bakal memperoleh keuntungan pertama sehingga setengah juta ringgit melalui tuaiannya

50,000 pokok nanas.

Keuntungan itu akan meningkat tiga kali ganda memandangkan satu pokok nanas akan bercambah tiga lagi 'anaknyanya'.

Tanaman nanas memberi potensi luar biasa dalam pasaran luar negara. Pada tahun lepas, eksport produk nanas negara meningkat 60 peratus kepada RM491 juta berbanding RM343 juta pada tahun sebelumnya.

Di peringkat dunia, Malaysia berada di kedudukan ke-19 untuk pengeluar buah nanas, manakala Johor adalah negeri terbesar untuk tanaman nanas (9,700 hektar) yang juga perintis kepada penanaman MD2 di Malaysia.

Benarlah kata peribahasa, "Berbudi kepada tanah, tanah tidak tipu". Apatah lagi dengan keadaan cuaca yang baik dan tanah subur di negara kita pasti memberikan hasil lumayan.

## Tanam peria selepas diberhentikan kerja

**PONTIAN** – Seorang bekas pengurus restoran makanan segera di Singapura tidak menyangka cuti tahunan yang diambil pada Mei lalu, menjadi detik hitam buat dirinya apabila dia diberhentikan kerja oleh majikannya.

Mohd. Lokman Kumasi, 25, berkata, dia terpaksa mengambil cuti untuk pulang ke Johor bagi menguruskan perkahwinannya dengan gadis pilihan, Siti Azmira Doman, 25, yang diadakan pada bulan Jun.

Bagaimanapun, dalam tempoh bercuti, Mohd. Lokman menerima e-mel pemberhentian kerja daripada majikan.

"Ini satu tamparan hebat buat saya, saya terkedu, bingung, sedih semua ada. Sudahlah baru nak kahwin, ini dapat berita perit pula dibuang kerja, saya hanya fikir macam mana nak sara keluarga selepas kahwin," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohd. Lokman berkata, bagi mencari pendapatan buat keluarganya dia memberanikan diri men-

jalankan projek tanaman peria gantung di Kampung Parit Mohayat, Ayer Baloi di sini.

Katanya, dia tertarik untuk menjalankan tanaman itu selepas melihat potensi dan keuntungan yang diperolehi seorang rakannya, Nor Azman Mohd. Erhan yang menjalankan projek tanaman timun gantung secara fertigasi.

"Saya memilih untuk menanam peria gantung secara fertigasi di atas tanah seluas satu ekar setengah dengan kos permulaan sebanyak RM60,000 termasuk RM20,000 pemberian dari ibu.

"Alhamdulillah ketika ini tugas-fugas dikebun setiap hari dibantu oleh adik saya, Mohd. Lufti, 24, bakal pendidik yang sedang menunggu penempatan," ujarnya.

Anak kelahiran Pontian itu memberitahu, sebanyak 4,000 batang peria atau dengan anggaran pengeluaran sebanyak 20 tan akan dituai penghujung bulan ini dan ketika ini sayuran itu dijual RM5.50 sekilo.



**MOHD. LOKMAN (kanan)** melihat pokok peria gantung yang ditanam di Kampung Parit Mohayat, Ayer Baloi, Pontian semalam.

# Dibuang kerja tidak patah semangat jadi usahawan tani

**PONTIAN:** Pemuda ini sebelum ini menikmati gaji sebanyak S\$1,700 (RM5,100) di sebuah restoran makanan 'segera' di Singapura, namun, berikutan kesan pandemik Covid-19 di samping pintu sempadan ditutup menyebabkan pekerjaannya sebagai pengurus cawangan ditamatkan.

Namun, bagi Mohd. Lokman Kumasi, 25, perkara itu tidak matakkan semangatnya mencari laluan baharu bagi meneruskan kehidupan dengan mencuba sebagai usahawan tani tanaman peria gantung di Kampung Parit Mohayat, Ayer Baloi di sini.

"Saya pada mulanya bingung kerana baru sahaja berkahwin, tetapi, dalam masa yang sama telah hilang pekerjaan apatah lagi perlu menyara kehidupan bersama isteri, Siti Azmira Doman yang bertugas sebagai jurutera elektrik di Subang, Selangor.

"Namun, pada satu petang, ibu membawa saya melihat sebidang tanah di Ayer Baloi dan ketika perjalanan balik singgah ke projek tanaman timun gantung secara fertigasi diusahakan seorang usahawan tempatan, Nor Azman Mohd. Ehan," katanya ketika ditemui Utusan



**MOHD. Lokman Kumasi melihat pokok peria gantung di Kampung Parit Mohayat, Ayer Baloi, Pontian, Johor.**  
**-UTUSAN/ MUHAMMAD ZIKRI**

dianggap sebagai guru walaupun baharu sahaja berkenalan tetapi tidak lokek berkongsi ilmu mengenai tanaman kerdah fertigasi itu.

Mohd. Lokman memaklumkan, dia tidak sangka keputusan untuk pulang ke sini seketika bagi menguruskan perkahwinan bersama isteri pada Mei lalu berakhir dengan berita sedih apabila majikan memutuskan untuk memecatnya.

Lelaki berkelulusan ijazah sarjana muda kejuruteraan elektrik sebuah universiti tempatan menyifatkan pemecatan tersebut sebagai takdir dan menganggapnya sebagai sudah tiada rezeki di Singapura serta perlu menerima hakikat untuk terus berbakti pada tanah air sendiri.

Ditanya mengenai reaksi isterinya dengan keputusan biadang itu, dia berterima kasih di atas sokongan yang diberikan kerana memahami langkah yang diambil itu.

"Namun, saya menanti penuh debar hasil tuai pertama peria yang dijangka penghujung bulan ini dengan harga ketika ini RM5.50 satu kilogram dan anggaran pengeluaran sebanyak 20 tan," katanya.

yang kini menjadi pengusaha tanaman timun gantung berjaya di daerah Pontian.

"Saya mengambil keputusan menanam peria gantung secara fertigasi di atas tanah seluas lebih satu ekar dengan kos permulaan sebanyak RM60,000 termasuk RM20,000 pemberian ibu," katanya.

Katanya, dia amat berterima kasih kepada Nor Azman yang

# THE NEED FOR AGROFOOD VALUE CHAIN

By RUBY LIM  
rbylim@thestar.com.my

## To increase productivity, yields and variety of products

AS a consumer, how do you value a pack of chillies that you buy at the supermarket?

You may perceive the value according to the benefits you gain over what is paid – such as the product quality, brand and user experience.

In this case, if the pack of chillies is packed with information stating its origins, product certifications, and states its sustainability efforts in farming, the value of the chillies to the informed consumer would be far greater than compared to a pack of unidentified produce.

Rewind and return to the supply chain journey of the chillies before reaching the customers.

The usual chain would be the farmer selling the chillies to the trader, who will supply to the wholesaler who will then deal with the retailer, where the customers have access to the chillies.

Everyone who participates in a value chain adds value as the product moves from the beginning of the chain towards the consumer and in return, receives their returns, i.e. profits, of their contribution.

However, some individual farmers may lack bargaining power and information about the market for their produce.

For instance, they may not know how much their produce is really worth or they may not know what kind of products are in demand, therefore, they can't benefit fully from the value chain.

To increase their income and capture more value in the value chain, stakeholders, especially the small farmers, need to advance their knowledge and information transfer of the value chains.

As such, the development concept of the Agrofood Value Chain that stems from the Agrofood Productivity Nexus (AFPN) is in recognition of the critical need for investment in agricultural information access in Malaysia. AFPN is supported by the Malaysia Productivity Corporation (MPC).

The agriculture sector is equally important in ensuring food security for growing populations and providing economic security for stakeholders of the agrofood value chains from farm to table – including farmers, retailers, suppliers and customers.

Agrofood value chains in the country must undergo innovation to increase productivity and yields as well as to enhance product variety to meet the demands of the growing market.

The proposition to develop the Agrofood Value Chain is a challenging task due to multi-dimensional issues such as constraints of production capability, organisation capacity of producers, regulation constraints of export and trade, identification of markets, and marketing competitiveness.

"This proposition of developing the Agrofood Value Chain seeks to eliminate all of these constraints," said AFPN productivity specialist Kit Chan.

"It is necessary for us to raise this concept so the authorities and those involved are able to come up with better policies for the agrofood industry while stakeholders learn to capture these values for their commercial



Agrofood value chain stakeholders can leverage on the complimentary infrastructure that has been developed by AFPN to boost productivity growth and sustainability, and at the same time advance the agrofood industry.



'This proposition of developing the Agrofood Value Chain seeks to eliminate all multi-dimensional challenges of the agrofood industry for all stakeholders,' said Chan.

participation. When they understand, they can benefit better or invest their money for the correct value."

The Nexus Agrofood Value Chain strategy is to create access to markets that appreciates the products based on several aspects.

"First is to identify and moderate producers to develop products with competitive advantages and value addition. For instance, farmers who appreciate and are proud to grow high-value chillies.

"Second is to initiate negotiations for cross border trade, like, exporting to Singapore

and regional countries but ensuring the authorities acknowledge the value of our products.

"Before exportation, a phytosanitary certificate plays an important role to ensure the exported produce conforms with the requirements of the importing country, and good agricultural practice which emphasises on environment, economy and social aspects to ensure the produce is safe and of good quality.

"This translates to the aspects of promoting both the Malaysian Phytosanitary Certification Assurance Scheme and Malaysian Good Agricultural Practices (MyGAP) certification to the agrofood industry players as a value-addition component to their products.

"Lastly, is to develop the e-traceability system for the product supply chain. This system would be a valuable tool for guaranteeing consumers transparency on the origins of the product – how it was grown, processed and packed before reaching the consumers," explained Chan.

The strategy did not just turn up overnight but after 20 months of AFPN's effort and ground work of identifying issues faced by the agrofood industry, building the ideal infrastructure and tools for stakeholders, and promoting value addition to potential products being identified.

Meanwhile, value chain activities are being carried out through the AFPN and

among the ongoing projects on the agrofood web portal, the AgrolinkMalaysia.com, which can provide easy-to-access information and enable commercial connectivity to the supply chain stakeholders of the agrofood production industry for free.

By making information accessible, stakeholders get the opportunity to stay abreast with the current trends, learn new skills and adopt improved practices that are essential to raise the productivity of their businesses.

"MPC, under the Nexus programme, has given us the opportunity to investigate all different approaches to develop the agrofood value chain for the country.

"It is important for all stakeholders to understand each other's roles and communication is key to bring the whole agrofood industry forward.

"For example, farmers will know what produce or products are in demand while consumers will know the value of these products," explained Chan.

AFPN urged the value chain stakeholders to leverage on the complimentary infrastructure that has been developed to boost productivity growth and sustainability, and at the same time progress the agrofood industry forward.

To gain the free and easy access to information and linkages of Malaysia agrofood industry, visit [www.agrolinkmalaysia.com](http://www.agrolinkmalaysia.com)



The Agrolink web portal enables suppliers and buyers to connect and grow together while making transactions more transparent, competitive, efficient and productive.



By making information accessible through the Agrolink web portal, agrofood value chain stakeholders get the opportunity to stay abreast with the current trends.

Headline	Study to set up dairy valley in Keningau		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	15 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	351 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,957
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,871



# Study to set up dairy valley in Keningau

**KOTA KINABALU:** The Sabah government will collaborate with Universiti Putra Malaysia (UPM) to help study, plan, and develop its dairy valley in Keningau.

In a bilateral discussion with the university on Thursday, Sabah Deputy Chief Minister Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan proposed that the facility centre be built in Tambunan.

The dairy valley will be supported by several satellite farms, to be developed on grazing reserve land nearby.

Jeffrey who is also Sabah Agriculture and Food Industry Minister said currently, Tambunan's grazing reserve land has a total acreage of 22,500 acres not including Bingkor and Liawan within the Keningau municipality.

He is hoping the dairy valley project, which was earmarked to be built within the Keningau area, would get off the ground as soon as possible.

The dairy valley project in Sabah is one of five dairy valleys under the National Dairy Industry Development Programme which aims to ensure self-sufficiency in domestic fresh milk production by 2025.

UPM has the technical expertise in developing the dairy valley through its Dairy Centre of Excellence. The university also runs a successful dairy farm and had recently collaborated with Farm Fresh Sdn Bhd to



Mohd Roslan presenting a memento to Jeffrey (right).

strengthen the domestic dairy production capacity through the UPM-Farm Fresh Dairy Farming Industry Centre of Excellence (ICoE).

The university, represented by its deputy vice-chancellor Datuk Dr. Zulkifli Idrus, agreed to provide technical assistance to the Sabah government by preparing a feasibility study for the proposed dairy valley in Tambunan.

However, this meeting, which was the first between the Sabah government and the university, did not set any deadline on when

the report of the study would be completed for evaluation.

Other than the dairy valley, the meeting also discussed a potential collaboration to study the possibility of building a pulp and paper plant in Sabah from kenaf (*Hibiscus cannabinus*) bast fibres.

The university also offered technical support as the Sabah government aims to create the new Sabah Swiftlet Board to regulate and manage the swiftlet industry in the State.

The creation of the board was announced last month by Jeffrey

as the state government is hoping to capitalise on the increasingly popular and lucrative industry.

Also present at the meeting were Sabah Department of Veterinary director Dr Peter Lee and UPM Institute of Agriculture and Food Policy Studies director Dr Shaufique Fahmi Ahmad Sidique.

Later, Jeffrey also made a courtesy call on UPM vice chancellor Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman. The duo discussed issues deliberated at the earlier meeting as well as issues relating to the agricultural industry in Sabah.